

Kata Kunci:
Pelbagai
Beza
Cemerlang
Nilai



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

17 Julai 2026 / 2 Safar 1448H

Kepelbagaian: Bersama Menuju Kecemerlangan

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي هَدَانَا لِهٰذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا اَنْ هَدَانَا اللّٰهُ. اَشْهَدُ اَنْ
لَا اِلَهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَاَشْهَدُ اَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلٰى اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ اَجْمَعِينَ. اَمَّا بَعْدُ، فَيَا
عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ. قَالَ تَعَالٰى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تُمَوِّنْ اِلَّا وَاَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah s.w.t. Laksanakan segala perintah-Nya dan jauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba Allah yang memperoleh rahmat, keampunan dan keredaan-Nya di dunia dan di akhirat kelak. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Saudara yang dikasihi Allah,

Setiap kali kita memandang langit yang terbentang luas, bumi yang terhampar indah, serta manusia yang **berbeza** rupa, bahasa dan budaya, ia seharusnya mengingatkan kita kepada

kebesaran Allah s.w.t. yang menciptakan **kepelbagaian** yang wujud di sekeliling kita. Dalam Surah Ar-Rum, ayat ke-22, Allah s.w.t. berfirman:

وَمِنْ ءَايَاتِهِ خَلْقُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافُ السِّنِّتِكُمْ وَالْوَنِّكُمْ
إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّلْعَالَمِينَ ﴿٢٢﴾

Yang bermaksud: *"Dan antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah penciptaan langit dan bumi, serta **perbezaan** bahasa dan warna kulit kamu. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda bagi orang yang berilmu."*

Saudara, perhatikan bagaimana dalam ayat ini, Allah s.w.t. meletakkan **kepelbagaian** manusia seiring dengan penciptaan langit dan bumi sebagai tanda kebesaran-Nya. Ini menunjukkan bahawa **perbezaan** bangsa, bahasa dan budaya bukanlah sesuatu yang perlu dipandang dengan rasa curiga atau dijadikan sebab untuk bertelagah lalu berpecah. Sebaliknya, ia adalah sunnatullah yang mengajak kita mengenali kebesaran Sang Pencipta.

Bagi seorang Mukmin, menghargai **kepelbagaian** lahir daripada keimanan kepada Allah. Apabila kita melihat setiap manusia sebagai ciptaan Allah yang mempunyai kehormatan dan kemuliaan, kita akan lebih berhati-hati dalam percakapan, lebih adil dalam **penilaian**, serta lebih menghormati dalam pergaulan.

Sidang jemaah sekalian,

Islam bukan sekadar mengajar kita menerima hakikat bahawa manusia diciptakan dengan **pelbagai** latar belakang. Islam juga membimbing kita mengurus **kepelbagaian** itu dengan **nilai-nilai** yang membangun. Al-Quran mengingatkan bahawa kemuliaan seseorang bukan terletak pada keturunan atau bangsanya semata-mata, tetapi pada ketakwaannya kepada Allah s.w.t.

Sejarah tamadun Islam pula banyak memberikan panduan dalam perkara ini. Bermula daripada Rasulullah s.a.w. yang sering memanfaatkan kelebihan dan kepakaran para sahabat dalam **pelbagai** bidang, walaupun ada antara mereka yang datang daripada latar belakang yang **berbeza**.

Pada zaman pemerintahan Abbasiyah pula, kota Baghdad muncul sebagai pusat **kecemerlangan** ilmu dan kesarjanaan Islam. Para ulama dan ilmuwan daripada **pelbagai** latar belakang bekerjasama mengkaji, menterjemah dan mengembangkan ilmu dalam **pelbagai** bidang, termasuk falsafah, matematik, perubatan dan astronomi. Hasil usaha ini, lahirlah **pelbagai** penemuan dan karya yang terasa manfaatnya hingga ke hari ini.

Sudah tentu, **kecemerlangan** itu tidak lahir hanya kerana faktor wujudnya **kepelbagaian** semata-mata. Namun, ia lahir apabila **kepelbagaian** itu dipandu oleh **nilai-nilai** yang dijunjung agama, seperti memartabatkan ilmu, sikap amanah, serta keinginan

untuk membawa manfaat kepada masyarakat. Ini satu pengajaran penting buat kita. **Kepelbagaian** akan menjadi rahmat hanya apabila manusia memilih untuk bekerjasama dalam perkara yang membawa kebaikan.

Saudaraku sekalian,

Di sini, khutbah mengusulkan dua langkah untuk menterjemah **kepelbagaian** yang kita sama-sama rasakan hari ini, kepada **kecemerlangan** yang dapat dikecapi bersama di kemudian hari:

Pertama: Lihat kepelbagaian sebagai peluang untuk terus maju ke hadapan.

Setiap individu adalah sebahagian daripada anggota masyarakat di sekelilingnya, dan setiap individu mempunyai kepakaran, pengalaman dan kemampuan yang **berbeza**. Ada yang mendidik, ada yang merawat, ada yang berniaga, ada yang menjadi pakar teknikal, dan ada juga yang gigih menimba dan mengembangkan ilmu pengetahuan. **Kepelbagaian** ini merupakan nikmat Allah yang harus disalurkan demi kebaikan bersama.

Maka janganlah kita jadikan **kepelbagaian** dan **perbezaan** latar belakang penghambat persefahaman yang boleh membawa ke arah kecemerlangan bersama. Sebaliknya, jadikanlah ia peluang untuk saling belajar, melengkapi dan membina masyarakat yang dicemburui tamadunnya, seperti pada zaman kegemilangan Islam suatu masa dahulu.

Kedua: Sebarkan rahmat dengan menjalin kerjasama

Bukankah Rasulullah s.a.w. diutus sebagai rahmat kepada seluruh alam? Maka setiap Muslim juga perlu berusaha menjadi pembawa rahmat kepada orang di sekelilingnya. Rahmat itu terserlah melalui kejujuran dalam pekerjaan, kesungguhan menuntut ilmu, berlaku adil dalam berurusan sesama insan, serta kesediaan bekerjasama dalam perkara yang membawa manfaat kepada semua.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Mari tekadkan azam agar setiap usaha kita untuk membina hubungan yang baik, menyumbang kepada masyarakat, berikhtiar untuk mencapai **kecemerlangan** dalam bidang yang diceburi, menjadi sebahagian daripada ibadah kita kepada Allah s.w.t.

Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita hikmah dalam mengurus **kepelbagaian**, melapangkan hati kita untuk saling menghormati, serta menjadikan kita dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang sentiasa membawa manfaat kepada semua. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْغَزِيرِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنْ مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ

يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَذْكُرْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ، وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.